

# Japanese And Hebrew Alphabets Are Almost Similar

Prof. Dr. Solehah Binti Hj. Yaacob

## **Bangsa Phoenic**

Bangsa Phoenic berasal daripada bangsa Ugarit yang terbahagi kepada dua golongan, iaitu golongan yang menetap di Palestin hasil perpindahan dari Ugarit setelah dikalahkan oleh kabilah Aram yang berpusat di Damsyik, manakala golongan yang kedua pula ialah bangsa Phoenic yang menetap di Syria. Perkataan “Phoenic” ini berasal daripada perkataan Yunani, *Pheonieon* yang bermakna “ungu”. Oleh sebab itu mereka mencipta pewarna dan menyebarkan pewarna ini ke seluruh alam pada ketika itu. Orang Phoenic merupakan golongan yang tidak gemar kepada peperangan dan mereka membahagikan kawasan kepada timur dan barat tanpa peperangan. Bangsa Phoenic meninggalkan kesan tamadun yang hebat kepada negara Eropah dan sekitar Mediterranean seperti utara Afrika, Sepanyol, Perancis, Denmark dan Finland. Hal ini bermakna kesan tamadun Arab mewarnai tamadun Eropah dan sekitarnya. Daripada golongan Kan’an dan Phoenic inilah terhasilnya kabilah al-Amaliqah, al-Adumiyah, al-Moabiyah, al-Amoniyah, al-Amuriyah, al-Hawariyah, al-Jarjasyiah dan al-Yabusiyah. Kebanyakan daripada mereka ini berperang dengan bangsa Yahudi pada sekitar tahun 3000 Sebelum Masihi.

Dari sudut bahasa pula, bahasa Kan’an dan bahasa Phoenic menyerupai bahasa Akkadi Babylon tetapi berbeza dari segi pemikiran. Sebagai contoh, pemikiran golongan Akkadi Babylon lebih kepada kerohanian dan percaya kepada Tuhan Yang Satu, iaitu Tuhan yang menguasai langit dan bumi, manakala pemikiran bangsa Kan’an dan Phoenic pula lebih kepada kebendaan seperti kepercayaan menyembah banyak tuhan. Hakikatnya, bangsa Kan’an ini menetap di bumi Palestin dengan aman sehinggalah kedatangan bangsa Yahudi yang

mengambil segala-galanya daripada mereka. Keadaan ini menyebabkan bangsa Kan'an mendapat pertolongan daripada sahabat mereka, iaitu kaum Phoenic dan Aram. Tambahan pula, negara bagi bangsa Aram pada ketika itu ialah Damsyik yang juga dikenali sebagai kota Aram. Kemunculan bandar "Ugarit" yang terletak di persisiran pantai utara Latakia yang berhampiran dengan Gunung Safun di Syria kemudiannya telah mengambil alih peranan Damsyik, terutamanya dari sudut keilmuan.

Banyak batu bersurat dan peninggalan sejarah yang menjadi kebanggaan bangsa Ugarit, antaranya termasuklah penulisan abjad dalam tulisan paku (abjad Phoenic) yang dijumpai di sekitar tempat ibadah. Abjad ini mempunyai 22 huruf dan bahasanya ialah dialek *lahjah*, iaitu bahasa Kan'an asli. Kebanyakan batu bersurat yang dijumpai menceritakan unsur kepercayaan yang dianuti di tempat ibadah. Selain itu, ahli arkeologi juga menemukan sejumlah besar penulisan syair dan kisah epik yang menggunakan abjad Phoenic. Peninggalan sejarah ini membuktikan bahawa kesusasteraan bangsa Kan'an dan Phoenic ini memang hebat. Sebagai contoh, perkataan *Eil* (إيل) hakikatnya berasal daripada nama tuhan bangsa Ugarit yang bermaksud *Ilah*. (الله). Terdapat juga nama yang diakhiri dengan kata *Eil* (إيل) ini seperti Israfil, Jibrail, Habil, Qabil, Ismail, Samuel, dan sepertinya yang bertujuan mendapat keberkatan daripada tuhan seperti menambah sifat tuhan dalam nama tersebut seperti Abdullah, Abdul Khaliq, Abdul Rahman, dan sebagainya.

Kehebatan ilmu pengetahuan bangsa Kan'an dan Phoenic ini maju sehinggalah kedatangan bangsa Yahudi mengambil hak mereka, termasuk nama tuhan. Carl Brokelmann (1993) mengatakan bahawa kebanyakan nasab bangsa Kan'an dihilangkan daripada keturunan Sam anak Nuh a.s. walaupun mereka mempunyai hubungan yang kuat dari segi bahasa kerana sikap perkauman bangsa Yahudi yang merosakkan hubungan demi kepentingan ekonomi, politik dan agama.